

PM dedah semangat

11 APR 1968

KANGAR 10 April — Datuk Sri Dr. Mahathir Mohamad hari ini mendedahkan adanya usaha “orang-orang tertentu yang kecewa” untuk memisahkan orang-orang Kelantan dari orang-orang Melayu negeri lain.

Perdana Menteri memberitahu, golongan ini yang berusaha membangkitkan semangat kenegerian untuk mendapatkan sokongan bagi negeri mereka dikesan

Oleh
Rosli Ismail

menjalankan kegiatan ini di kalangan para peserta FELDA berasal dari Kelantan di Negeri Pahang.

Katanya, mereka mendakwa kononnya sebagai orang-orang Melayu Kelantan mereka tidak boleh terima orang-orang Melayu negeri lain.

Berucap merasmikan gerakan Semarak peringkat Negeri Perlis di Sungai Batu Pahat dekat sini petang ini, Datuk Sri Dr. Mahathir mengingatkan jika usaha ini berjaya ia akan membawa akibat yang buruk.

Namun begitu Perdana Menteri gembira kerana ramai di kalangan rakyat Kelantan yang tidak menerima hujah golongan ini.

“Mungkin ada segelintir manusia yang terpengaruh dengan usaha semacam ini. Mungkin ada dua tiga orang peserta FELDA yang terpengaruh tetapi umumnya orang-orang Kelantan tidak mahu Kelantan dipisah dari Malaysia,” ujarnya. Beliau menegaskan perpaduan semua rakyat adalah sangat penting kerana melaluinya tiada siapa yang dapat menggoncang negara. Sebaliknya tambah beliau,

LIHAT MUKA 6

kenegerian amasir tiup

PM DEDAH ANASIR TIUP SEMANGAT KENEGERIAN APR 1988

perbuatan golongan ini yang cuba memecahkan perpaduan orang Melayu berasaskan semangat kenegerian hanya akan memecahkan perpaduan yang telah susah payah dijalinkan sejak tahun 1945.

Datuk Sri Dr. Mahathir meminta rakyat mengenang kembali usaha Parti PAS sewaktu memerintah Kelantan satu ketika dahulu untuk menarik Kelantan keluar dari Persekutuan Tanah Melayu.

Katanya seorang wakil rakyat parti itu telah membawa kes ke

mahkamah atas dakwaan penyertaan Kelantan dalam Persekutuan Tanah Melayu tidak sah kerana beberapa sebab tertentu.

Bagaimanapun tambah beliau nasib baik hakim yang mengendalikan kes itu telah menolak tuntutan berkenaan.

“Dengan itu terhapus usaha hendak pisahkan Kelantan dari negeri - negeri lain. Tetapi sekarang semangat ini telah dipupuk semula oleh orang - orang tertentu yang kecewa.

“Mereka pergi dan tumpu kepada orang-orang negeri mereka dan mereka

sengaja menghasut orang-orang ini menimbulkan semangat kenegerian supaya tidak mengadakan perpaduan mereka dengan rakyat dari negeri - negeri lain,” ujarnya.

Beliau menyifatkan golongan ini sebagai orang yang tidak ada modal lain tetapi cuba memecahkan perpaduan.

Datuk Sri Dr. Mahathir juga mengucapkan syabas kepada para wakil rakyat Barisan Nasional Negeri Kelantan kerana menolak usul undi tidak percaya terhadap Menteri Besar Kelantan di Dewan Undangan Negeri baru-hari ini